



MAJLIS ISLAM SARAWAK

Aras 16 &17

Majma' Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah
Lorong P. Ramlee Off Jalan P. Ramlee
93400 Kuching Sarawak

Emel : mis50@sarawak.gov.my
Laman Web : www.mis.sarawak.gov.my

PEJABAT YANG DIPERTUA

TEL : 082507214 FAKS : 082507240

PEJABAT SETIAUSAHA

TEL : 082507215 FAKS : 082507241

TALIAN AM

TEL : 082507251/507250 FAKS : 082507254



MAJLIS ISLAM SARAWAK

Rujukan kami : JAIS/KIM/PMS/700-2/1/3 (29)
Tarikh : 12 Disember 2023

SEMUA PENGERUSI

**LEMBAGA AMANAH KEBAJIKAN DAN JAWATANKUASA PENGURUSAN
MASJID DAN SURAU SELURUH SARAWAK**

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berbahagia Tan Sri/ Datuk/ Datu/ Dato/ Tuan/ Puan,

**PEKELILING HAL EHWAL MASJID BIL 7/2023: MESYUARAT TAHUNAN
MASJID DAN SURAU SELURUH SARAWAK TAHUN 2023**

Dengan segala hormatnya saya ingin menarik perhatian Yang Berbahagia Tan Sri/ Datuk/ Datu/ Dato/ Tuan/ Puan mengenai peruntukan **Perkara 8, Kaedah Pengurusan Masjid dan Surau Negeri Sarawak 2004 (Pindaan 2008/2009)** seperti berikut:

SUBPERKARA	KAEDAH
8.1	Mesyuarat Tahunan hendaklah diadakan sekurang-kurangnya SATU (1) tahun sekali bersama ahli kariah.
8.2	Tujuan Mesyuarat ini adalah untuk: <ol style="list-style-type: none"> Membentangkan laporan kegiatan; Melaporkan kedudukan kewangan semasa; dan Menerima cadangan dan mengadakan perbincangan dengan ahli kariah.
8.3	Salinan Minit Mesyuarat serta laporan hendaklah dihantar kepada Majlis Islam Sarawak

2. Sehubungan dengan itu, selaras dengan peruntukan Kaedah tersebut, Majlis Islam Sarawak memutuskan supaya perkara-perkara berikut hendaklah dipatuhi:

- Mesyuarat Tahunan masjid dan surau seluruh Sarawak hendaklah dilaksanakan sebelum atau selewat-lewatnya pada **31 Januari 2024**;
- Agenda Mesyuarat Tahunan hendaklah seperti berikut—
 - Ucapan Penggerusi Jawatankuasa Pengurusan;
 - Pengesahan minit mesyuarat yang lepas;
 - Perbincangan perkara-perkara berbangkit (jika ada);
 - Pembentangan laporan aktiviti masjid terkini;
 - Pembentangan laporan kewangan semasa;
 - Pembentangan laporan kewangan yang telah diaudit (jika ada);
 - Perbincangan cadangan dan usul (jika ada); dan
 - Hal-hal lain.

- iii. Minit mesyuarat hendaklah disahkan dan ditandatangani oleh Pengurus mesyuarat; dan
 - iv. Semua minit mesyuarat yang telah disahkan hendaklah dikemukakan kepada Majlis secara dalam talian melalui **kiswa.sarawak.gov.my** di bawah Modul Pelaporan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan & Mesyuarat Tahunan Masjid/ Surau dalam tempoh **TIGA PULUH (30)** hari selepas mesyuarat.
3. Sebarang pertanyaan lanjut mengenai perkara ini, pihak Yang Berbahagia Tan Sri/ Datuk/ Datu/ Dato/ Tuan/ Puan bolehlah merujuk ke Pejabat Agama Islam Bahagian yang terdekat.
4. Atas perhatian dan kerjasama pihak Yang Berbahagia Yang Berbahagia Tan Sri/ Datuk/ Datu/ Dato/ Tuan/ Puan dalam hal ini, kami merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih.

Sekian, harap maklum.

"PEMACU KECERMELANGAN UMMAH"

"BERSATU BERUSAHA BERBAKTI"

"AN HONOUR TO SERVE"



(DATU HAJI KHALIDI BIN HAJI IBRAHIM)

Setiausaha

Majlis Islam Sarawak

s.k: Semua Pegawai Agama Islam Bahagian – Mohon kerjasama pihak tuan untuk mengemukakan Pekeliling ini kepada semua Pengurus Lembaga Amanah Kebajikan Islam & Jawatankuasa Pengurusan Masjid dan Surau di Bahagian masing-masing. Pihak YBhg. Tuan/ Puan juga dimohon untuk membuat pemantauan pelaksanaan Mesyuarat Tahunan ini.